

Kemiskinan jadi azimat berguna

PUTRAJAYA - Walaupun berasal daripada keluarga yang susah dan di kawasan pedalaman, Anuar Elias, 24, tetap mampu muncul sebagai salah seorang penerima Anugerah Pelajaran Diraja

Anak muda berasal dari Kuala Pegang, Baling ini tidak pernah menyesal dengan pengalaman hidup yang dilaluinya, malah cabaran tersebut menjadi azimat kejayaannya.

Antara pengalaman yang masih diingati ialah terpaksa membahagikan masa untuk mencari duit tambahan dengan bekerja sambil.

“Saya pernah bekerja sebagai penterjemah dan penulis tesis serta mengajar program komputer. Hasil pendapatan kira-kira RM300 sebulan itu digunakan untuk menampung perbelanjaan di kampus,” katanya.

Jelasnya, tambah memeritkan pada tahun pertama pengajian beliau tidak menerima pinjaman penuh Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN).

“Ketika itu terasa sangat



ANUAR dan Jamilah berkongsi kegembiraan selepas majlis konvokesyen USIM di Putrajaya semalam.

nak membayar yuran pengajian berjumlah RM1,300 sedangkan saya menerima pinjaman RM1,500 saja.

“Alhamdulillah setahun selepas itu saya mendapat pinjaman penuh RM3,000 setiap semester,” katanya.

Anuar ditemani isterinya, Jamilah Ahmad, 23, yang

turut menerima ijazah sarjana muda pada Istiadat Majlis Konvokesyen Kelima Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya di sini semalam.

Beliau yang memperoleh Sarjana Muda Pentadbiran Muamalat dengan Kepujian

berkata, kejayaan itu turut didorong dengan pesanan arwah ibunya yang masih tergiang-ngiang di telinga.

“Pesanan ibu, kita ini orang tak berharta, hanya dengan ilmu sajalah boleh kita dijadikan sebagai bekalan masa depan,” kata anak kelima daripada tujuh beradik itu.